

Selaras pembiayaan

■ MEDSB labur RM100 juta untuk projek kereta elektrik KL

Oleh Sofyan Rizal Ishak

sofyan.rizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Masers Energy Development Sdn Bhd (MEDSB) dalam proses akhir menyelaraskan pembiayaan bagi projek kereta elektrik atau lebih dikenali sebagai Kereta Elektrik KL menjelang akhir tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Suhaimi Abdul Rahman berkata, pembiayaan itu perlu bagi memastikan projek terbabit berjalan lancar dan tambahan pembiayaan dari rakan kongsi di luar negara itu dijangka membantu merealisasikan projek terbabit.

“Selain projek berkenaan, kami kini dalam fasa terakhir memulakan projek grid pintar dan kampus tanpa karbon di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam tempoh dua bulan akan datang dan perjanjian dijangka dimeterai dengan universiti terbabit dalam tempoh ter-

dekat,” katanya.

MEDSB merancang empat projek mega untuk dilaksanakan di negara ini iaitu Perumahan Kedah Tanpa Karbon, Bandar Solar dan Program Bon Solar, Grid Pintar dan Kampus Tanpa Karbon di UPM serta kereta elektrik.

Ketika mengulas lanjut mengenai peruntukan Kereta Elektrik KL, beliau berkata, syarikat itu bakal melabur RM100 juta untuk memulakan projek terbabit.

Beliau berkata, pihaknya mencapai persetujuan dengan UPM untuk melaksanakan projek bandar pintar di UPM itu membabitkan geran pelaburan Bandar Pintar dan Bandar Pintar pertama di UPM.

“Kami menjangka ia dimuktamadkan dalam tempoh terdekat dan bermula tahun depan, kami mula mempromosikan UPM sebagai model sebenar Bandar Pintar di Malaysia kerana ti-



“ Kami dalam fasa terakhir memulakan projek grid pintar dan kampus tanpa karbon di UPM dalam tempoh dua bulan akan datang”

Suhaimi Abdul Rahman

ada bandar yang menepati ciri sebenar berbanding bandar pintar di negara Eropah,” katanya.

Suhaimi berkata, syarikat dilihat mencatatkan prestasi lebih baik pada tahun ini berbanding tahun lalu kerana lebih banyak peluang perniagaan dan pembangunan perniagaan baru.

Menurutnya, syarikat cuba fokus kepada perniagaan di luar negara kerana ke-

sediaan mengenai tenaga bersih lebih tinggi di luar negara dan dalam masa sama memberi perhatian kepada projek dalam negara yang dianggap penting bagi membangkitkan keupayaan syarikat.

“Kami menjangka sokongan yang diterima daripada kerajaan melalui Pembiayaan Greentech, baru-baru ini memacu pertumbuhan projek lebih pantas,” katanya.